

ERL perkenal enam tren baharu

SEPANG 20 Okt. - Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) hari ini memperkenalkan enam tren baharu untuk perkhidmatan KLIA Transit yang akan mula beroperasi pada Mac tahun hadapan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pengenalan terhadap tren baharu itu dijangka mampu meningkatkan tahap kapasiti perkhidmatan ERL kepada 50 peratus apabila mula beroperasi.

"Sebelum ini ERL mempunyai sebanyak 12 tren yang beroperasi untuk perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit dengan menghubungkan antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke pusat bandar Kuala Lumpur.

"Menerusi pengenalan terhadap tren baharu yang mempunyai empat gerabak ini diharap dapat mengurangkan tempoh masa menunggu dan meningkatkan kualiti serta tahap keselamatan untuk keselesaan penumpang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan tren baharu KLIA Transit di Kompleks Rel Udara Salak Tinggi di sini hari ini.

Menurut Tiong Lai, tren tersebut yang dilengkapi dengan dua kompresor dan ciri-ciri keselamatan yang telah dipertingkatkan dibina oleh syarikat China, CRRC Changchun Railway Vehicles Company Limited (CRRC Changchun).

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 26 | 21 OCTOBER 2016